

23 AUG 1996
Sirim-Ariffin (Bergambar)
ARIFFIN TUMPU LAKSANA KEUTAMAAN SEGERA SIRIM

SHAH ALAM, 23 Ogos (Bernama) -- Dr Mohamed Ariffin Haji Aton, yang akan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Sirim Berhad mulai September berkata tugas pertama beliau ialah melaksanakan langkah-langkah yang telah diatur bagi agensi penyelidikan kerajaan yang dikorporatkan itu.

Katanya tugas beliau bukanlah membawa perubahan kepada Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) itu tetapi melaksanakan harapan kerajaan terhadap Sirim.

"Tugas saya bukan membuat perubahan, tapi melaksanakan apa yang telah dirancang, yang perlu disegerakan seperti yang dikehendaki Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sirim di sini hari ini.

Ariffin berkata beliau akan mengenali dengan lebih dekat dahulu struktur baru Sirim yang dikorporatkan.

Beliau percaya asas yang telah diletakkan oleh Ketua Pengarah Sirim Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali untuk Sirim berfungsi sebagai sebuah badan korporat, merupakan yang terbaik.

Katanya dalam masa enam bulan hingga setahun ini beliau akan meneliti apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi taraf kecekapan dan moral semua kakitangan Sirim.

Ariffin meminta mereka bekerja dengan penuh dedikasi bersamanya meningkatkan lagi prestasi Sirim.

Katanya cabaran memang banyak bagi mana-mana agensi kerajaan yang dikorporatkan bukan saja daripada segi kerja tetapi juga dari segi mental pekerjanya yang perlu penekanan perubahan sikap.

"Saya amat suka hati selepas berbincang dengan Dr Tajuddin tadi kerana banyak yang telah beliau lakukan yang akan menjadikan kerja saya lebih senang sikit.

"Ini berbeza daripada apa yang saya lakukan di Petronas semasa institut penyelidikannya dikorporatkan dan dijadikan sebuah subsidiari," katanya.

Ariffin, 51, pemegang Ph.D dalam bidang kejuruteraan kimia Universiti Leeds ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Research and Scientific Services Sdn Bhd.

Ketika ditanya bila beliau mendapat tahu pelantikannya ke Sirim, beliau menjawab: "Apabila Dr Mahathir mengumumkannya petang ini."

"Saya hadir kerana dijemput ke majlis ini," katanya.

Beliau akan mengambil alih teraju Sirim daripada Dr Tajuddin yang menyertai Sirim sejak 1989. Dr Tajuddin akan memulakan tugas barunya sebagai Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri merasmikan Bangunan Menara Sirim yang turut menempatkan pejabat Ketua Pegawai Eksekutifnya dan bilik pameran produk Sirim. -- BERNAMA

MNY RON